

**Tunku Puteri Intan Shafinaz Melakukan Kunjungan Hormat Ke Atas Puteri Thailand Bernama
24 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Tunku Puteri Intan Shafinaz Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, anakanda Yang di-Pertuan Agong, melakukan kunjungan hormat ke atas Puteri Thailand Maha Chakri Sirindhorn, yang sedang dalam rangka lawatan ke negara ini, di sini Selasa.

Tunku Puteri Intan Shafinaz tiba di hotel tempat penginapan Puteri Thailand itu pada 3.30 petang dan meluangkan masa kira-kira 30 minit bersama puteri itu.

Selepas pertemuan itu, kerabat diraja Thailand dan delegasi baginda yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar Akademi Tentera Diraja Chulachomklao berlepas ke Putrajaya untuk melawat Perbadanan Putrajaya dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Puteri Maha Chakri Sirindhorn dan delegasi baginda tiba pagi ini untuk lawatan sehari ke Malaysia.

Terdahulu, baginda melawat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Puteri itu merupakan anakanda Raja Thailand Bhumibol Adulyadej dan Permaisuri Sirikit.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682908>

